



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

# **KEMBALI KEPADA ALLAH**

**Siri: 5/2021**

**16 Jamadilakhir 1442 H**

*Bersamaan*

**29 JANUARI 2021**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

**Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwat Agama Terengganu adalah DILARANG. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.**

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي أَمَرَنَا بِذِكْرِهِ فِي كُلِّ حِينٍ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْآمِنُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَ مَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ، وَاذْكُرُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الذَّاكِرِينَ.

Wahai hamba-hamba Allah bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, taatkanlah segala perintah-Nya dan tinggalkanlah segala larangan-Nya, serta ingatlah kepada-Nya dalam semua urusan hidup kamu, ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah bersama-sama dengan orang-orang yang mengingati-Nya. Khutbah pada hari ini bertajuk:

### **'Kembali kepada Allah'.**

#### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian.**

Dalam situasi ujian pandemik Covid -19 yang kita sedang hadapi sekarang ini perkara yang paling utama dan paling penting ialah kembali kepada Allah serta sentiasa mengingati-Nya, dengan memperbanyakkan beristighfar, bertaubat

dan berdoa kepada-Nya, kerana kadang-kadang Allah s.w.t menguji kita dengan sesuatu ujian itu, supaya kita insaf dan kembali kepada-Nya. Firman Allah dalam surah al A'raf ayat 168:

... وَيَلَوْنَهُمْ بِالْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٦٨﴾

Yang bermaksud:

Dan Kami uji mereka dengan nikmat pemberian yang baik-baik dan bala bencana yang buruk, supaya mereka kembali (bertaubat).

Malah setiap bala yang menimpa manusia di muka bumi ini tidak ada siapa pun yang mampu mengangkatannya kembali kecuali Allah s.w.t. Justeru selain daripada berusaha mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, sewajibnya kita tidak lupa untuk bergantung harap kepada Allah Yang Maha Berkuasa. Firman Allah di dalam surah al An'am ayat 17:

وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ

عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud:

Dan jika Allah mengenakan (menimpakan) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri, dan jika Ia mengenakan (melimpahkan) Engkau dengan kebaikan, maka Ia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

### **Sidang Jumaat yang diberkati Allah sekalian.**

Bagi memohon kepada Allah s.w.t supaya mengangkat bala yang sedang kita hadapi ini adalah disarankan seperti berikut:

#### **Pertama:**

Berusahalah sedaya upaya untuk meningkatkan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah, kerana Allah s.w.t telah berjanji bahawa dengan bertakwa dan bertawakkal kepada-Nya setiap masalah akan ada jalan penyelesaiannya. Fiman Allah dalam surah al- Talaq ayat 2 dan 3:

... وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ تَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ

يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ... ﴿٣﴾

Yang bermaksud:

Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).

### **Kedua:**

Menjauhkan diri dari melakukan sebarang bentuk maksiat, kerana perbuatan maksiat akan mengundang segala penyakit yang tidak pernah berlaku sebelumnya. Sabda Rasulullah s.a.w:

"... لَمْ تَظْهَرِ الْفَاحِشَةُ فِي قَوْمٍ قَطُّ، حَتَّى يُعْلِنُوا بِهَا، إِلَّا فَشَا فِيهِمُ الطَّاعُونَ  
وَالْأَوْجَاعُ الَّتِي لَمْ تَكُنْ مَضَتْ فِي أَسْلَافِهِمُ الَّذِينَ مَضَوْا..."

(رواه ابن ماجه)

Yang bermaksud:

Tidak zahir perbuatan keji secara terang-terangan yang dilakukan oleh sesuatu kaum melainkan tersebar luas pada mereka penyakit taun dan penyakit-penyakit yang tidak pernah berlaku pada golongan manusia sebelum mereka.

### **Ketiga:**

Bangun solat pada waktu tengah malam (qiamullail) serta berdoa kepada Allah kerana ia merupakan ibadat orang-orang soleh dan cara mendekatkan diri kepada Allah bagi menolakan segala penyakit. Sabda Rasulullah s.a.w:

عَلَيْكُمْ بِقِيَامِ اللَّيْلِ ، فَإِنَّهُ دَابُّ الصَّالِحِينَ قَبْلَكُمْ وَمَقْرَبَةٌ لَكُمْ إِلَى رَبِّكُمْ  
وَمَكْفَرَةٌ لِلْسَّيِّئَاتِ وَمَنْهَاةٌ عَنِ الْإِثْمِ وَمَطْرَدَةٌ لِلدَّاءِ عَنِ الْجَسَدِ

(رواه أحمد)

Yang bermaksud:

Hendaklah kamu berqiamullail kerana sesungguhnya ia adalah kebiasaan orang-orang yang soleh sebelum kamu, mendekatkan diri kamu kepada Tuhan kamu, menghapuskan segala keburukan, menghalang daripada melakukan dosa dan menghalau penyakit dari tubuh badan.

### **Kesimpulannya:**

Selain berusaha mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa, marilah kita sama-sama kembali mendekatkan diri kepada Allah dengan memperbanyakkan istighfar, taubat dan doa kepada Allah s.w.t. Terutama sekali dalam situasi yang kita hadapi sekarang ini, serta hindarkanlah diri dari sebarang bentuk maksiat mudah-mudahan Allah s.w.t akan mengangkat bala ini dengan segera insya Allah.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ

وَالْأَنْفُسِ وَالْثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اهْتَدَىٰ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ حَفِظْكُمْ اللَّهُ،

Mari kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ  
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى  
السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرْغَكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا  
وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكَو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ  
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.